

# GAYA PEMBELAJARAN KANAK-KANAK LEMBAM DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

*(The Learning Styles of Slow Learners in Malay Language)*

*Puteri Roslina Abdul Wahid*  
puteri61@um.edu.my

*Nur Azimah Bukhari*  
aima\_girlz@yahoo.com

Jabatan Bahasa Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur.

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan gaya pembelajaran kanak-kanak lembam yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sebuah sekolah di Kelantan. Tulisan ini merupakan dapatan kajian kes. Pemilihan kanak-kanak adalah berdasarkan laporan pakar perubatan yang mengesahkan bahawa lima kanak-kanak yang dipilih mengalami masalah lembam dalam pembelajaran dan ditempatkan di bawah seliaan PPKI. Kaedah yang digunakan ialah pemerhatian berstruktur dan ujian. Dapatan kajian mendapati tiga gaya pembelajaran, iaitu visual sebanyak 77 peratus, auditori 52 peratus dan kinestetik 65 peratus telah diterapkan oleh kanak-kanak lembam. Gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan kanak-kanak lembam ialah gaya pembelajaran visual. Kanak-kanak lembam dapat menguasai kefahaman bahasa Melayu dari aspek huruf dan suku kata, tetapi penguasaan perkataan adalah pada tahap sederhana khususnya bagi membaca dan menulis.

Kata kunci: gaya pembelajaran, pembelajaran bahasa, kanak-kanak lembam, bahasa Melayu

**Abstract**

*This article discusses the learning styles of slow learners participating in the Program Pendidikan Khas Integrasi [Integrated Special Education Programme] (PPIK) in Kelantan. The writings are based on a case study. Selection was made based on the reports of medical experts that the five participants, who had been put into this programme, are slow learners. The methodology used in this study was structured observations and tests. There are three learning styles: visual, auditory and kinesthetic. The findings show that the dominant learning styles among slow learners is visual learning style, accounting for 77 percent, while the auditory style accounted for 52 percent and the kinesthetic for 65 percent. While slow learners may be able to learn letters of the alphabet and syllables easily, their comprehension at word level in Bahasa Melayu is at the moderate level where reading and writing are concerned.*

*Key words : learning style, language learning, slow learners, Malay language*

**PENDAHULUAN**

Giremli (1996), dalam makalahnya bertajuk “*Tuned in to Learning Styles*”, mengatakan bahawa setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan berbeza secara individu seperti cap ibu jari. Gunawan (2006:139) berpandangan bahawa gaya belajar ialah cara yang lebih kita sukai dalam melakukan kegiatan berfikir, memproses dan memahami sesuatu perkara. Oleh itu, dapat dirumuskan gaya pembelajaran merupakan cara yang ditonjolkan oleh seseorang sewaktu proses belajar. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran ialah kanak-kanak yang bermasalah dalam menguasai bahasa, pertuturan, membaca, menulis, menaakul dan mengira. Kanak-kanak ini terdiri daripada mereka yang lembam, mengalami masalah disleksia, kecelaruan defisit hiperaktiviti, bermasalah emosi dan tingkah laku, terencat akal, sindrom Down, autisme, pintar cerdas dan palsi serebrum. Perbezaan antara kanak-kanak ini dengan kanak-kanak yang lain adalah berdasarkan tingkah laku, keadaan fizikal dan perwatakan. Dalam makalah ini, tumpuan diberikan kepada gaya pembelajaran kanak-kanak lembam.

## **LATAR BELAKANG**

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) diwujudkan untuk kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya kepada kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah rendah, menengah serta teknik dan vokasional. Program ini ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Jabatan Pendidikan Khas pula bertanggungjawab terhadap sebarang dasar dan pengisian yang diterapkan program tersebut. PPKI mempunyai kurikulum yang dinamakan Kurikulum Pendidikan Khas yang terdiri daripada dua jenis, iaitu kurikulum kebangsaan dan kurikulum alternatif. Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) telah diwujudkan hasil daripada perbincangan Jawatankuasa Advokasi Persatuan Kanak-kanak Terencat Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 3 Oktober 1987. Pada tahun 1988, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan mula menubuhkan Kelas Khas Bermasalah Pembelajaran (KKBP) yang pertama di SRK (L) Jalan Batu 1, Kuala Lumpur (dua kelas dengan 20 orang murid dan tiga orang guru terlatih), manakala Jabatan Pendidikan Selangor membuka dua kelas di SRK Jalan Raja Muda, Seksyen 4, Shah Alam, Selangor. KKBP telah mewujudkan penyediaan “Kursus Satu Tahun Bermasalah Pembelajaran” yang dijalankan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Program PKBP mula dibuka pada tahun 1992 dan secara berperingkat di seluruh negara. Pembukaan PKBP perintis peringkat sekolah menengah pula dimulakan empat tahun berikutnya, iaitu antara 1995 hingga 1996. Program ini bermula di SMK Yaacob Latiff, Jalan Peel dan SMK Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. PKBP diteruskan hingga kini dengan penambahan bilangan program masalah pembelajaran di sekolah rendah dan juga sekolah menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

## **KANAK-KANAK LEMBAM**

Kanak-kanak lembam merujuk kanak-kanak yang lemah dari segi kemahiran membaca, menulis dan mengira pada tahap umur tertentu. Kanak-kanak ini disifatkan mempunyai umur fizikal melebihi umur mental. Umur fizikal tidak melambangkan tahap pemikiran mereka. Misalnya, umur kanak-kanak 12 tahun tetapi tahap pemikirannya kemungkinan berada pada usia sembilan atau sepuluh tahun. Oleh itu, kanak-kanak lembam tergolong dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU). Jabatan Pendidikan Khas dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengiktiraf kanak-

kanak lembam berada dalam kelompok keperluan khas dan kanak-kanak ini juga layak menerima elaun daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kegunaan perbelanjaan seharian. Bagi kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran, pada kebiasaannya, ditempatkan di PPKI. Walau bagaimanapun jika pemeriksaan dibuat oleh pakar perubatan mengesahkan kanak-kanak tersebut tidak berada dalam kelompok kanak-kanak lembam, iaitu kanak-kanak ini tidak mempunyai sebarang kecacatan dalam sistem saraf terutamanya dari segi otak, kanak-kanak ini akan ditempatkan dalam Program Pemulihan Khas (PPK) yang tergolong dalam kelompok sekolah arus perdana. Pengisian pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak pemulihan khas ini adalah berdasarkan Kurikulum Pendidikan Khas. PPK hanya melaksanakan Kurikulum Pendidikan Khas, dan kanak-kanak tersebut ialah kanak-kanak normal. Kebiasaannya, kanak-kanak yang berada dalam PPK berkaitan dengan sikap kanak-kanak itu sendiri dalam pembelajaran menyebabkannya lambat belajar dan bukannya disebabkan oleh kecacatan sistem saraf seperti kanak-kanak lembam yang dikelompokkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasii.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian Noltemeyer, Joseph, dan Watson (2014) dalam makalah yang bertajuk “Improving Reading Prosody and Oral Retell Fluency: A Comparison of Three Intervention Approaches” adalah berkaitan dengan cara meningkatkan keupayaan membaca prosodi dan kelancaran penceritaan semula dalam kalangan kanak-kanak. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk menentukan keberkesanan tiga kaedah dalam pembacaan prosodi secara lisan dan menceritakan semula perkara yang dibaca dengan lancar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap prosodi yang tinggi menunjukkan kaedah yang paling efektif dan boleh digunakan di dalam kelas untuk meningkatkan kelancaran bacaan prosodi. Selain itu, hasil analisis data kajian ini mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam kelancaran prosodi dalam ujian akhir apabila pengulangan dalam bacaan dilakukan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa peningkatan kemahiran membaca yang berkesan adalah dengan memecahkan pembelajaran mengikut unit terkecil. Oleh itu, guru dapat mengaplikasikan pembelajaran bersifat individu dan memilih kaedah yang paling sesuai untuk diajarkan kepada pelajar mereka.

Kajian yang dilakukan Rashmi (2013) pula berusaha untuk menentukan ciri kanak-kanak lembam dan peranan guru, serta penjaga untuk memperbaiki pelajaran mereka. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kanak-kanak lembam dikenal pasti bukan sahaja dari segi membaca dan mengira, malah melibatkan gaya tulisan tangan, sukan, serta pakaian. Kanak-kanak lembam dikatakan pendiam dan pemalu serta mempunyai masalah dalam pergaulan. Selain itu, kanak-kanak ini kurang keyakinan diri serta bermasalah dalam pemikiran secara abstrak.

Kajian di Malaysia pula memperlihatkan usaha Noraini (2012) yang telah menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak lembam dari aspek pembentukan kata dan pembinaan ayat yang terhasil melalui ujaran yang dihasilkan sepanjang sesi temu bual antara beliau dengan kanak-kanak. Beliau telah menggunakan lima orang kanak-kanak lembam yang merupakan murid-murid dari Sekolah Pendidikan Khas, Air Tawar 4, Kota Tinggi Johor, iaitu dalam lingkungan 9 hingga 10 tahun.

Persepsi yang berbeza pula telah dilihat oleh Abbas (2012), dalam penulisannya “Visual, Auditory, Kinesthetic Learning Styles and Their Impacts on English Language Teaching”. Kajian beliau bertujuan untuk meningkatkan kesedaran fakulti dan kesan gaya pembelajaran hasil daripada proses pengajaran terhadap pelajar EFL Universiti, Iran. Subjek kajian beliau ialah pelajar yang mengambil pengkhususan bahasa Inggeris dalam bidang terjemahan bahasa di Universiti Lahijan, Iran.

Selanjutnya Udeani. U & Okafor. P. N (2012), dalam makalah yang bertajuk “The Effect of Mapping Instructional Strategy on the Biology Achievement of Senior Secondary School Slow Learners” telah meneroka teknik yang berkesan untuk pengajaran berdasarkan aktiviti pembentangan tugas oleh pelajar bagi meningkatkan kefahaman pelajar tentang sesuatu tajuk. Seramai 131 orang pelajar lembam, yang berlainan jantina, telah dipilih secara rawak untuk kajian ini. Kajian ini hanya berfokus pada pembelajaran subjek biologi. Selain itu, beliau telah menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian. Kaedah soal selidik digunakan untuk praujian dalaman konsisten 0.74 yang diukur melalui Crombach alfa dan ujian pos dalaman konsisten Crombach alfa 0.72. Kaedah pemerhatian terhadap pelajar lembam dilakukan untuk mengetahui teknik pengajaran yang sesuai bagi meningkatkan kefahaman, iaitu konsep pemetaan atau pengajaran penghuraian.

Sebagai rumusan, kajian terdahulu yang dilakukan memperlihatkan bahawa persoalan masalah pembelajaran merupakan isu yang memerlukan

perhatian bagi membantu perkembangan pembelajaran dan masa depan kanak-kanak lembam. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian tentang masalah pembelajaran kanak-kanak lembam masih kurang diberikan perhatian di negara ini, dan makalah ini merupakan satu tambahan bagi khazanah ilmu dalam penyelidikan kanak-kanak lembam.

## **PERMASALAHAN, OBJEKTIF DAN KESIGNIFIKANAN**

Permasalahan pertama ialah gaya pembelajaran kanak-kanak bermasalah pembelajaran berbanding kanak-kanak normal. Secara umumnya, setiap kanak-kanak mempunyai gaya belajar yang tersendiri. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan mereka yang lemah dalam pelajaran. Mereka didapati mempunyai keupayaan yang terhad terutamanya ketika mempelajari sesuatu yang baharu. Walau bagaimanapun, guru-guru pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) kurang didedahkan kepada isu atau kepentingan gaya pembelajaran sehingga menyebabkan mereka kurang memahami konsep gaya pembelajaran dan tidak dapat menerapkan gaya pembelajaran yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Hal ini menyebabkan kanak-kanak mudah hilang tumpuan serta sukar untuk mengekalkan daya ingatan disebabkan guru kurang peka terhadap gaya yang ditonjolkan oleh kanak-kanak semasa proses P&P berlangsung. Oleh itu, penekanan terhadap kepentingan gaya pembelajaran perlu dititikberatkan supaya berlakunya peningkatan hasil pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak lembam.

Kedua, bahan dan kaedah pengajaran yang kurang menarik minat kanak-kanak lembam. Penggunaan bahan pengajaran yang kurang sesuai dengan keupayaan kanak-kanak lembam seperti menggunakan sukatan pelajaran yang disediakan tanpa mengubah suai bahan tersebut menyebabkan corak pembelajaran kurang menarik minat mereka. Selain itu, alat bahan bantu mengajar (ABBM) pula kurang dimanfaatkan penggunaannya. Guru-guru pula kurang inisiatif untuk menyediakan ABBM untuk diterapkan dalam proses P&P. Kaedah pembelajaran secara tulis dan cakap (*chalk and talk*) yang sering digunakan didapati kurang sesuai diterapkan kepada kanak-kanak lembam.

Ketiga, keupayaan kognitif yang terhad dalam kalangan kanak-kanak lembam menyebabkan mereka sukar memahami dan mengingat sesuatu pelajaran. Keupayaan kognitif yang terhad ini menyebabkan guru tidak dapat mengajar dalam jangka masa yang lama. Pada masa yang


sama, skop pengajaran harus dikesilkan supaya dapat meningkatkan kefahaman dan daya ingatan terhadap sesuatu pelajaran. Setiap kanak-kanak juga mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Sesetengah kanak-kanak melihat sesuatu secara konkrit, manakala sesetengahnya pula melihat sesuatu secara abstrak. Penerapan gaya pembelajaran yang sesuai dapat membantu kanak-kanak meningkatkan keupayaan berfikir. Peningkatan keupayaan berfikir secara perlahan-lahan dapat membantu kekurangan kemahiran menerima, mengurus, menyusun dan mengingat sesuatu perkara dengan lebih baik berdasarkan gaya belajar yang disukai oleh kanak-kanak. Oleh itu, penelitian terhadap gaya belajar seseorang harus ditekankan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan memberikan kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran.

Permasalahan yang dinyatakan di atas memberikan ruang bagi objektif penulisan ini, iaitu mengenal pasti gaya pembelajaran kanak-kanak lembam dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PIPK) di Kelantan. Kajian yang telah dilakukan juga diharapkan membantu guru mengenal pasti jenis gaya pembelajaran kanak-kanak lembam yang dapat dicontohi. Hal ini bagi memudahkan para guru memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keupayaan kanak-kanak tersebut. Pihak pentadbiran sekolah perlu menyediakan kelengkapan yang secukupnya untuk membantu kanak-kanak ini dalam usaha mempertingkatkan pemahaman mereka dalam pembelajaran. Apabila gaya pembelajaran mereka dikenal pasti, maka menjadi keutamaan guru untuk mencari kaedah yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **PENDEKATAN DAN METODOLOGI**

Pendekatan yang berlandaskan konstruktivisme dipilih untuk kajian ini. Rajah 1 menunjukkan pendekatan yang digunakan, iaitu hasil gabungan teori konstruktivisme vygotsky (zon perkembangan proksimal) (ZPD) dengan model gaya visual, auditori dan kinestetik (VAK). Hasil gabungan ini adalah untuk melihat gaya pembelajaran yang dominan terhadap kanak-kanak serta kebolehan kanak-kanak menyelesaikan sesuatu soalan sama ada berada pada tahap paras perkembangan sebenar (PPS) atau paras perkembangan berpotensi (PPB). Dengan bahasa mudahnya, kanak-kanak dapat menyelesaikan sesuatu soalan berdasarkan bantuan atau tidak.

Penulisan ini menekankan gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (VAK) yang merupakan salah satu model yang mudah difahami untuk melihat gaya pembelajaran seseorang dalam proses pengajaran dan



**Rajah 1** Pendekatan konstruktivisme dan gaya pembelajaran.

pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Secara amnya, pandangan umum terhadap model VAK menjadi dasar bagi Neuro-Linguistic Programming (NLP), iaitu kajian tentang “kata-kata dan saraf”. Kesemua pancaindera digunakan untuk memproses atau menyimpan sesuatu maklumat. Model ini dicipta pada tahun 1970-an dan sehingga kini digunakan secara meluas untuk bidang kaunseling, pembelajaran dan aspek komunikasi (Prashning, 1998:44). Berdasarkan model VAK, setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang dominan walaupun, dalam P&P mempunyai ketiga-tiga jenis gaya pembelajaran, iaitu visual, auditori dan kinestetik tetapi mereka lebih cenderung kepada salah satu gaya daripada ketiga-tiga gaya tersebut.

### **Kawasan Kajian**

Kajian kes ini telah dijalankan di sekolah kebangsaan di Kelantan. Sekolah ini tersenarai dalam Sekolah Bestari Luar Bandar di Malaysia. Sekolah ini juga merupakan antara sekolah terawal yang memulakan Program



Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran (PPKIBP), iaitu pada 16 Jun 1996.

### **Instrumen**

Senarai semak dan ujian digunakan sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian. Instrumen yang digunakan untuk melihat gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik adalah berdasarkan borang senarai semak. Senarai semak ini ditandai berdasarkan pemerhatian terhadap kanak-kanak tersebut. Jenis soalan yang digunakan bersifat dikotomis, iaitu mendapatkan pilihan sampel daripada dua penilaian. Oleh itu, penulis menggunakan pilihan “ya” atau “tidak” dalam senarai semak dan pilihan tersebut dipilih bergantung pada pemerhatian. Bahagian A mengandungi maklumat tentang latar belakang kanak-kanak. Bahagian B mengandungi 33 item yang diambil dan diubah suai daripada borang soal selidik “Student VAK Learning Style”. Bahagian C mengandungi 36 item yang diambil dan diubah suai berdasarkan gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1985). Seterusnya, bahagian D lebih menumpukan tahap pembelajaran yang hanya memfokuskan aspek suku kata. Sebanyak 28 item yang diambil dan diubah suai daripada buku *Asas 3M Bahasa Malaysia*.

Bahan mengajar serta alat bantu disediakan oleh penulis berdasarkan perbincangan dengan guru Bahasa Melayu. Antara alat bantu mengajar yang disediakan ialah kad suku kata dan kad bergambar. Penulis berperanan sebagai pemerhati yang melihat kelakuan atau tingkah laku kanak-kanak semasa proses P&P dijalankan serta menyelesaikan senarai semak yang telah disediakan.

### **Metodologi**

Metodologi yang diketengahkan ialah kajian kepustakaan dan kajian lapangan bagi mendapatkan jumlah korpus yang mencukupi bagi analisis. Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual atau perbincangan dengan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, pemerhatian keadaan bilik darjah, berbual dengan kanak-kanak tentang pengalaman belajar berdasarkan borang soal selidik yang ditetapkan serta melihat buku latihan dan prestasi ujian yang telah dilakukan. Segala tingkah laku atau perlakuan kanak-kanak ini dirakamkan dengan menggunakan kamera digital, alat perakam suara, catatan. Soal selidik yang disediakan

berbentuk temu bual kerana kanak-kanak ini kurang kemampuan untuk menjawab dalam bentuk tulisan. Kesemua senarai semak yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dilengkapkan melalui pemerhatian terhadap kanak-kanak kajian semasa kanak-kanak menjalani proses pembelajaran. Pemerhatian terhadap gerak-geri kanak-kanak ini dalam proses P&P serta gaya atau cara yang digunakan oleh kanak-kanak ini dilihat ketika belajar. Rakaman dilakukan bagi membantu penyemakan semula tingkah laku kanak-kanak kajian sewaktu proses P&P berlangsung. Hal ini dilakukan bagi memastikan kecenderungan setiap kanak-kanak terutamanya dalam proses P&P untuk mengetahui kebolehan dan kelemahan kanak-kanak dalam setiap gaya pembelajaran yang diterapkan oleh guru.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**


Penulisan ini memfokuskan tiga gaya pembelajaran, iaitu gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik. Secara umum, dapatan keseluruhan setiap gaya pembelajaran yang diperoleh daripada pemerhatian berstruktur dapat diuraikan berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 1. Penulis menandakan “ya” pada soalan item senarai semak sekiranya kanak-kanak dapat menyebut (Kumpulan “Ya”), melakukan atau menulis sesuatu dengan baik semasa proses P&P dijalankan dan sebaliknya (Kumpulan “Tidak”). Didapati bahawa peratusan kumpulan pilihan “ya” bagi ketiga-tiga gaya pembelajaran adalah sebanyak 64 peratus, manakala peratusan kumpulan pilihan “tidak” adalah sebanyak 36 peratus daripada jumlah keseluruhan 100 peratus. Peratusan kumpulan “ya” antara ketiga-tiga jenis gaya pembelajaran ialah gaya pembelajaran visual, iaitu sebanyak 30 peratus diikuti dengan kinestetik dan auditori masing-masing 17 peratus.

### **Gaya Pembelajaran Visual**

Visual merujuk keupayaan penglihatan seseorang terhadap sesuatu perkara. Gaya ini tidak memerlukan arahan atau penerangan lisan kerana mereka lebih mudah memahami dan mengingati sesuatu perkara terhadap bentuk atau benda yang mereka lihat sendiri berbanding dengan perkara yang dilontarkan secara lisan. Gaya pembelajaran visual memerlukan bahan yang boleh dilihat dengan jelas seperti gambar, perkataan pada buku, rajah dan sebagainya untuk proses pembelajaran (Baharom dan Illiyas 2010:92). Penulis mendapati sebanyak 23 soalan (77 peratus) dapat diselesaikan oleh kanak-kanak, manakala jumlah kesalahan yang

**Jadual 1** Peratusan gaya pembelajaran.

Bil.	Item	Ya		Tidak		Jumlah	
		Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus %
1.	Visual	23	30	7	10	30	40
2.	Auditori	13	17	12	16	25	33
3.	Kinestetik	13	17	7	10	20	27
Jumlah		49	64	26	36	75	100



**Rajah 2** Analisis peratusan gaya pembelajaran.

dilakukan adalah sebanyak tujuh soalan (23 peratus) daripada 30 soalan yang diberikan. Terdapat enam item soalan yang diberikan kepada setiap kanak-kanak dalam proses P&P. Penelitian terhadap gaya pembelajaran visual melibatkan penggunaan bahan bantu mengajar kad gambar dan kad suku kata dalam proses P&P. Penulis mendapati semua kanak-kanak kumpulan pilihan “ya”, iaitu boleh menyebut secara lisan nama haiwan atau objek pada kad gambar dan boleh membunyikan suku kata awal berdasarkan kad suku kata yang ditunjukkan. Hal ini berbeza daripada keupayaan membunyikan suku kata akhir. Penulis mendapati bahawa empat orang kanak-kanak dalam kumpulan “ya”, manakala seorang kanak-kanak kumpulan “tidak” berupaya membunyikan suku kata akhir. Hal ini berdasarkan keupayaan kanak-kanak membaca suku kata akhir

**Jadual 2** Peratusan gaya pembelajaran visual.

Bil.	Item	Ya		Tidak		Jumlah	
		Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus %
1.	Boleh menyebut secara lisan.	5	17	0	0	5	17
2.	Boleh membaca suku kata awal.	5	17	0	0	5	17
3.	Boleh membaca suku kata akhir.	4	13	1	3	5	16
4.	Boleh menulis suku kata awal.	4	13	1	3	5	16
5.	Boleh menulis suku kata akhir.	3	10	2	7	5	17
6.	Boleh menulis perkataan.	2	7	3	10	5	17
	Jumlah	23	77	7	23	30	100

sebanyak sembilan soalan dengan betul daripada 10 soalan yang diberikan. Penjelasan ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Bagi penulisan suku kata awal, hanya seorang kanak-kanak sahaja yang tidak dapat menulis dengan baik. Namun begitu, dua orang kanak-kanak tidak dapat menulis suku kata akhir dengan baik, iaitu mempunyai dua dan enam kesalahan yang dilakukan daripada 10 soalan yang diberikan. Seterusnya, dua orang kanak-kanak dapat menulis perkataan

**Jadual 3** Analisis kesalahan berdasarkan gaya pembelajaran visual.

<b>Bil.</b>	<b>Perkataan</b>	<b>Kesalahan</b>
1.	enam	emam, enagn
2.	rumah	rumat, ruma
3.	api	Ppi
4.	ular	Ulair
5.	ayam	ayam
6.	betik	Beti
7.	pisang	Piasam, pisa

dengan baik, manakala tiga orang kanak-kanak lagi masih lagi lemah untuk berbuat demikian. Mereka memerlukan bimbingan yang berterusan. Bagi kanak-kanak yang lemah dalam aktiviti menulis perkataan, masing-masing mempunyai satu, dua dan enam kesalahan daripada 10 soalan yang diberikan.

Penulis juga menggunakan peratusan kekerapan pilihan sesuatu item. Terdapat lima orang kanak-kanak boleh menyebut secara lisan nama objek atau haiwan berdasarkan kad gambar yang ditunjukkan, iaitu 17 peratus sama seperti kebolehan kanak-kanak biasa membunyikan suku kata awal. Namun, hal ini sebaliknya untuk kebolehan membunyikan suku kata akhir, iaitu 13 peratus “ya” dan tiga peratus “tidak”. Penulis mendapati ada dalam kalangan kanak-kanak masih sukar membunyikan suku kata akhir sebanyak tiga peratus, iaitu mempunyai satu kesalahan daripada 10 soalan (seorang), tidak boleh menulis suku kata awal tiga peratus, iaitu mempunyai dua atau lebih kesalahan daripada 10 soalan (seorang), tujuh peratus tidak dapat menulis suku kata akhir juga mempunyai dua atau lebih kesalahan (dua orang). Untuk kebolehan menulis perkataan berdasarkan kad bergambar, didapati hanya dua orang subjek kajian dapat menulis dengan betul (tujuh peratus), manakala tiga orang subjek kajian (10 peratus) mempunyai kesalahan dalam menulis perkataan. Soalan yang diberikan agak mudah, walau bagaimanapun masih ada dalam kalangan kanak-kanak yang tidak

mampu menjawabnya, meskipun bahan bantu mengajar turut diterapkan dalam bahagian ini untuk menyokong gaya pembelajaran visual.

Berdasarkan Jadual 3, kesalahan ini meliputi kesalahan ejaan suku kata awal, suku kata akhir, perkataan dan penggunaan huruf yang terbalik. Bagi perkataan “enam”, terdapat dua orang kanak-kanak yang tidak dapat menulis perkataan “enam” dalam proses P&P. Misalnya, ejaan perkataan “enam” menjadi “emam” dengan penggunaan huruf “e” dan “a” terbalik semasa menulis perkataan tersebut. Seorang lagi kanak-kanak menulis perkataan “enam” menjadi “enagn”. Bagi perkataan “rumah”, terdapat dua orang kanak-kanak menulis perkataan rumah yang salah, iaitu menjadi “rumat” dengan penggunaan huruf “a” terbalik dan “ruma”. Kedua-dua kanak-kanak keliru untuk menulis suku kata akhir yang betul. Terdapat seorang kanak-kanak tidak dapat menulis perkataan “api” dengan betul, iaitu menulis huruf “a” terbalik yang seakan-akan menjadi huruf “p”, iaitu “ppi”. Seterusnya, perkataan “ular” menjadi “ulair” dan perkataan “ayam” menjadi kesalahan adalah disebabkan dengan penggunaan huruf “a” terbalik. Selain itu, terdapat seorang kanak-kanak yang mempunyai kesalahan semasa menulis perkataan “betik” menjadi “beti”. Bagi perkataan pisang, terdapat dua orang kanak-kanak tidak dapat mengeja perkataan “pisang” dengan betul, iaitu menjadi “piasam” dan “pisa”. Oleh itu, penulis mendapati bahawa semasa gaya pembelajaran visual diterapkan hanya dua kanak-kanak tidak dapat menulis perkataan dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak lembam lebih gemar gaya pembelajaran bersifat visual dalam proses P&P kerana boleh membantu mereka untuk mengenal pasti atau memahami sesuatu perkara dengan lebih baik.

### **Gaya Pembelajaran Auditori**

Auditori melibatkan keupayaan mendengar terhadap sesuatu perkara. Gaya pembelajaran ini membolehkan kanak-kanak memahami dan mengingati sesuatu perkara berdasarkan perkara yang telah didengarinya. Dalam usaha mengingati juga, memerlukan pendengaran yang jelas dan diulang kembali sebarang bentuk rakaman atau cerita. Gaya pembelajaran bersifat auditori menggambarkan seseorang itu lebih suka mendengar secara lisan berbanding dengan bentuk tulisan (Abbas 2012:110). Gaya pembelajaran auditori diperlihatkan apabila kanak-kanak lebih suka cara tulisan diterapkan dalam proses P&P dan kurang berminat dengan cara guru mengajar secara lisan. Kesemua kanak-kanak lebih selesa menyelesaikan

tugasan secara bertulis berbanding dengan pembelajaran yang melibatkan interaksi dua hala, iaitu antara murid dengan guru. Selain itu, gaya pembelajaran auditori juga boleh menimbulkan kekeliruan mengenai perkara yang didengar semasa guru menyebut sesuatu perkara. Bagi gaya pembelajaran auditori, kekerapan diperolehi daripada pilihan yang dibuat sama ada “ya” atau “tidak” terhadap item dalam senarai semak.

**Jadual 4** Peratusan gaya pembelajaran auditori.

Bil.	Item	Ya		Tidak		Jumlah	
		Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus %
1.	Boleh menyebut nama haiwan	5	20	0	0	5	20
2.	Boleh meniru bunyi haiwan	1	4	4	16	5	20
3.	Boleh mendengar dan menulis suku kata awalan	3	12	2	8	5	20
4.	Boleh mendengar dan menulis suku kata akhiran	3	12	2	8	5	20
5	Boleh mendengar dan menulis perkataan	1	4	4	16	5	20
	Jumlah	13	52	12	48	25	100

Berdasarkan Jadual 4, didapati lima orang kanak-kanak dalam kumpulan “ya” menyebut semula nama haiwan setelah mendengar guru menyebutnya. Namun begitu, empat orang kanak-kanak dalam kumpulan “tidak”, iaitu gagal membunyikan semula suara haiwan selepas guru memperdengarkan bunyi haiwan tersebut. Keadaan ini berlaku kerana kanak-kanak malu membunyikan setiap bunyi haiwan tersebut. Terdapat tiga orang kanak-kanak yang boleh mendengar dan menulis suku kata awalan dan akhiran, manakala dua orang kanak-kanak dalam kumpulan “tidak” tidak boleh mendengar. Selain itu, hanya seorang kanak-kanak tergolong dalam kumpulan “ya”, manakala empat orang kanak-kanak tergolong dalam kumpulan “tidak” semasa aktiviti mendengar dan menulis perkataan dilakukan. Hal ini menunjukkan bahawa hanya seorang daripada lima orang kanak-kanak boleh mendengar dan menulis perkataan dengan betul semasa soalan gaya pembelajaran auditori dilakukan dalam proses P&P.

Analisis seterusnya menggunakan peratusan kekerapan pilihan sesuatu item. Terdapat tiga orang kanak-kanak boleh mendengar dan menulis suku kata awalan dengan baik, iaitu sebanyak 12 peratus yang ditandai sebagai kumpulan “ya”, manakala dua orang kanak-kanak dalam kumpulan “tidak”, iaitu lapan peratus kerana mempunyai dua atau lebih kesalahan dalam penulisan semasa gaya auditori digunakan dalam proses P&P.

**Jadual 5** Analisis kesalahan berdasarkan gaya pembelajaran auditori.

<b>Bil.</b>	<b>Perkataan</b>	<b>Kesalahan</b>
1.	katak	kotak
2.	burung	burum, bunrung
3.	singa	sigma, ciga
4.	lembu	lebu, lebut
5.	kambing	kabim, kabing
6.	angsa	asat, asar
7.	gajah	kajat, gahja
8.	kucing	kulcim



Walau bagaimanapun, perkara yang sama juga berlaku dalam pemerhatian penyelidik ketika melihat kebolehan kanak-kanak mendengar dan menulis suku kata akhir. Didapati bahawa gaya pembelajaran auditori menjadi satu kelemahan kepada kanak-kanak dalam proses P&P kerana mereka akan menyelesaikan sesuatu tugas berdasarkan arahan daripada guru secara lisan. Daripada pemerhatian hanya empat peratus (seorang) dalam kalangan kanak-kanak yang boleh mendengar dan menulis perkataan yang betul berbanding 16 peratus lagi (empat orang) tidak dapat mendengar dan tidak boleh menulis perkataan dengan baik. Kebiasaannya, tidak semua perkara yang didengar adalah betul dan jelas. Hal ini menyebabkan timbul kekeliruan dalam kalangan kanak-kanak semasa menulis perkataan. Aspek inilah menyebabkan kebolehan kanak-kanak dalam penulisan setiap suku kata berkurangan kerana kanak-kanak akan menulis suku kata menurut sesedap bunyi.

Antara kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak semasa penelitian terhadap gaya pembelajaran auditori dalam proses P&P termasuklah kesilapan ejaan yang melibatkan suku kata awal atau suku kata akhir. Berdasarkan Jadual 5, bagi perkataan “katak” didapati seorang kanak-kanak menulis perkataan tersebut menjadi “kotak”. Keadaan ini berlaku kerana kanak-kanak tidak fokus semasa mendengar arahan daripada guru. Kajian mendapati bahawa kanak-kanak kurang memberikan tumpuan kepada bunyi-bunyi yang diujarkan oleh guru. Akibatnya mereka tidak dapat menguasai kemahiran menulis. Terdapat dua orang kanak-kanak yang tidak dapat menulis perkataan “burung” dengan baik, iaitu menjadi “burum” dan “bunrung”. Terdapat dalam kalangan kanak-kanak belum menguasai aspek suku kata, sama ada suku kata awal atau akhir. Bagi perkataan “singa”, terdapat dua orang kanak-kanak yang tidak dapat menulis perkataan tersebut dengan betul. Perkataan tersebut ditulis menjadi “simga” dan “cigi”. Bagi perkataan “lembu”, tiga orang kanak-kanak yang mengeja perkataan tersebut dengan ejaan yang salah, iaitu menjadi “lebu” dan “lebut”.

Seterusnya, bagi perkataan “kambing” dan “angsa” masing-masing dua orang kanak-kanak tidak dapat menulis dengan baik berdasarkan perkara yang didengar daripada guru, iaitu perkataan “kambing” menjadi “kabim” dengan penggunaan huruf “a” terbalik dan “kabing”, manakala bagi perkataan “angsa” menjadi “asat” dan “asar”. Bagi perkataan “gajah”, masih lagi terdapat dua orang kanak-kanak tidak dapat menulis dengan baik, iaitu menjadi “kajat” dan “gahja”. Seterusnya, bagi

perkataan “kucing” masih lagi terdapat seorang kanak-kanak yang tidak dapat mengeja dan menulis dengan baik, iaitu menjadi “kulcim”. Namun begitu, bagi perkataan “ayam” dan “kuda” semua kanak-kanak dapat mengeja dan menulis dengan baik. Oleh itu, semasa gaya pembelajaran auditori ditekankan dalam proses P&P, didapati empat orang kanak-kanak melakukan kesalahan semasa menulis perkataan. Namun begitu, hanya seorang kanak-kanak dapat menulis semua perkataan dengan betul berdasarkan perkara yang didengar daripada guru.

Masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak (1 dan 2) ketika gaya pembelajaran auditori diterapkan ialah kekeliruan antara bunyi suku kata dengan perkataan yang disebut oleh guru. Kekeliruan terhadap bunyi sesuatu perkataan menyebabkan kesalahan ejaan yang ketara semasa menulis sesuatu perkataan. Kanak-kanak 2 boleh mendengar dengan baik tetapi menulis perkataan seakan-akan sama dengan bunyi perkataan yang disebut oleh guru. Masalah kanak-kanak 4 adalah kurang fokus terhadap perkataan yang disebut oleh guru. Namun begitu, kanak-kanak 5 tidak menunjukkan masalah dalam proses pendengaran. Kanak-kanak ini boleh mendengar dengan jelas semua perkataan yang disebut oleh guru serta boleh menulis perkataan dengan baik. Walaupun gaya pembelajaran auditori menunjukkan hasil yang tidak memberangsangkan tetapi penglibatan gaya ini juga penting dalam proses P&P. Namun begitu, gaya ini harus dikurangkan berbanding dengan gaya pembelajaran visual dan kinestetik untuk meningkatkan pemahaman dalam kalangan kanak-kanak.

### **Gaya Pembelajaran Kinestetik**

Kinestetik pula melibatkan kekuatan pergerakan otot untuk melakukan sesuatu perkara. Kanak-kanak lebih suka melakukan secara *hands-on* kerana dengan kelakuan ini, mereka boleh mengingat dan memahami sesuatu perkara dengan baik. Gaya pembelajaran ini merupakan gaya yang aktif kerana ada keupayaan untuk membuat atau melakukan sesuatu perkara (Abbas, 2012:110). Gaya pembelajaran kinestetik turut diamalkan dalam proses P&P. Penglibatan ini penting kerana dapat membantu kanak-kanak terutamanya ketika latihan kemahiran menulis, serta dapat membantu kanak-kanak supaya lebih memahami sesuatu bentuk huruf dengan lebih baik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak memerlukan pergerakan atau situasi pembelajaran aktif secara fizikal dalam proses P&P. Oleh itu, penerapan gaya pembelajaran kinestetik juga penting dalam proses P&P untuk menimbulkan keseronokan dalam kalangan kanak-

**Jadual 6** Peratusan gaya pembelajaran kinestetik.

Bil.	Item	Ya		Tidak		Jumlah	
		Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus (%)	Frek.	Peratus %
1.	Dapat menyebut dengan betul.	2	10	3	15	5	25
2.	Dapat menyebut perkataan tetapi lambat.	1	4	4	16	5	20
3.	Tidak memerlukan bantuan.	3	12	2	8	5	20
4.	Dapat menulis perkataan.	3	12	2	8	5	20

kanak semasa sesi pembelajaran dijalankan. Penelitian terhadap gaya pembelajaran kinestetik diperoleh daripada aktiviti permainan bahasa yang telah dijalankan semasa proses P&P. Permainan “Belon Beracun” telah dipilih untuk melihat keupayaan kanak-kanak belajar sambil bermain. Kekerapan diperoleh daripada item yang dipilih oleh penulis berdasarkan pemerhatian terhadap kanak-kanak semasa melakukan aktiviti ini dalam proses P&P dan direkodkan dalam senarai semak.

Jadual 6 menunjukkan peratusan yang diperoleh berdasarkan aktiviti permainan bahasa, iaitu “Belon Beracun” yang dilakukan dalam proses P&P. Hasil kajian mendapati dua orang kanak-kanak dalam kumpulan “ya”, iaitu mempunyai kebolehan menyebut perkataan dengan betul semasa aktiviti permainan bahasa dijalankan, manakala tiga orang kanak-kanak dalam kumpulan “tidak” terhadap item senarai semak gaya pembelajaran kinestetik. Berdasarkan penelitian, kelima-lima kanak-kanak boleh menyebut perkataan tetapi lambat. Perkara ini tidak mustahil kepada kanak-kanak kerana lambat untuk memahami atau mencari idea itu sudah menjadi kebiasaan dalam diri kanak-kanak. Aspek yang paling

**Jadual 7** Analisis kesalahan berdasarkan gaya pembelajaran kinestetik.

<b>Bil.</b>	<b>Perkataan</b>	<b>Kesalahan</b>
1.	Cawan	Cawam
2.	Ekor	Ekir
3.	Katak	Latak
4.	Belon	Belot
5.	Dadu	Babu
6.	Wau	Wa
7.	Madu	mabu, maau
8.	Lampu	Lapu

penting ialah kanak-kanak mempunyai minat dan seronok untuk belajar apabila diterapkan dengan aktiviti permainan bahasa ini.

Analisis seterusnya adalah menggunakan peratus kekerapan atau frekuensi pilihan sesuatu item. Terdapat tiga orang kanak-kanak tidak memerlukan bantuan daripada rakan untuk menyebut sesuatu perkataan (15 peratus), manakala dua orang kanak-kanak (10 peratus) memerlukan bantuan daripada rakan yang lain untuk menyebut sesuatu perkataan. Dari segi menulis perkataan, terdapat tiga orang kanak-kanak (15 peratus) dapat menulis dengan baik sesuatu perkataan berdasarkan sebutan yang betul sama ada disebut sendiri atau bantuan daripada rakan yang lain, manakala dua orang kanak-kanak, iaitu 10 peratus dalam kumpulan “tidak” bagi kebolehan menulis perkataan.

Kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak semasa penelitian gaya pembelajaran kinestetik dalam proses P&P secara keseluruhannya melibatkan kesilapan ejaan dalam suku kata awal atau akhir. Berdasarkan Jadual 7, perkataan “cawan”, “ekor”, “haiwan”, katak, “belon”, “dadu” dan “wau” masih ada lagi seorang kanak-kanak kajian yang tidak dapat menulis dengan baik perkataan tersebut. Perkataan “cawan” menjadi “cawam”, manakala perkataan “ekor” menjadi “ekir”. Seterusnya, perkataan “haiwan” menjadi “fawan”, perkataan “katak” menjadi “latak”, perkataan “belon” menjadi “belot”, perkataan “dadu” menjadi “babu”

dan perkataan “wau” menjadi “wa”. Bagi perkataan “madu” dan “lampu” terdapat dua orang kanak-kanak yang tidak dapat menulis perkataan tersebut dengan baik. Bagi perkataan “madu” menjadi “mabu” dan ejaan bagi perkataan “madu” dengan penggunaan huruf “d” yang tidak jelas, iaitu kelihatan seperti huruf “a” menjadi “maau”, manakala perkataan “lampu” menjadi “lapu”. Namun begitu, bagi perkataan “susu” kelima-lima kanak-kanak dapat menulis perkataan tersebut dengan baik. Oleh itu, penulis mendapati terdapat dua orang kanak-kanak melakukan kesalahan semasa menulis perkataan yang disebut.

Semasa proses P&P, semua kanak-kanak tidak dapat menyebut perkataan dengan cepat. Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak 1, 2 dan 5 dapat menyebut perkataan dengan betul. Kanak-kanak boleh menyebut perkataan tanpa bantuan daripada rakan yang lain. Hal ini berbeza daripada kanak-kanak 2 dan 4 yang memerlukan bantuan daripada rakan untuk menyebut perkataan yang sesuai semasa aktiviti “Belon Beracun” dijalankan. Dari segi menulis perkataan, kanak-kanak 1, 3, dan 5 boleh menulis perkataan dengan betul, manakala kanak-kanak 2 dan 4 tidak dapat menulis perkataan dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan gaya pembelajaran kinestetik dalam proses P&P, boleh menarik minat kanak-kanak serta menimbulkan keseronokan dalam aktiviti pembelajaran serta mengelakkan timbulnya kebosanan dalam diri kanak-kanak semasa proses pembelajaran berlangsung.

Bagi analisis gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik dalam proses P&P, penulis telah menyelesaikan senarai semak berdasarkan pemerhatian terhadap kanak-kanak semasa menjawab ujian yang diberikan mengikut gaya pembelajaran yang telah ditetapkan. Penelitian terhadap

**Jadual 8** Kebolehan subjek kajian berdasarkan gaya pembelajaran.

Bil.	Gaya Pembelajaran	Subjek Kajian					Jumlah (orang)
		SK1	SK2	SK3	SK4	SK5	
1.	Visual	√	-	√	-	√	3
2.	Auditori	-	-	-	-	√	1
3.	Kinestetik	√	-	√	-	√	3

kebolehan kanak-kanak menjawab soalan yang diberikan mengikut gaya adalah seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8 menunjukkan kebolehan kanak-kanak menjawab semua soalan yang diberikan dengan betul semasa proses P&P dilakukan. Tanda (√) menunjukkan semua soalan yang diberikan dapat dijawab dengan betul oleh kanak-kanak mengikut gaya pembelajaran, manakala tanda (-) menunjukkan kanak-kanak gagal menjawab semua soalan yang diberikan dengan betul dalam proses P&P mengikut gaya pembelajaran sama ada visual, auditori dan kinestetik. Selain analisis senarai semak, pemerhatian terhadap hasil proses P&P juga ditekankan, iaitu bagi pembelajaran visual, tiga orang kanak-kanak dapat menyelesaikan soalan yang diberikan dengan betul. Walau bagaimanapun, jumlah yang sama diperolehi bagi gaya pembelajaran kinestetik, iaitu tiga orang, manakala gaya pembelajaran auditori hanya seorang kanak-kanak dapat menjawab semua soalan dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran visual dan kinestetik perlu diberikan penekanan dalam proses P&P. Namun begitu, gaya pembelajaran auditori tidak boleh diabaikan kerana gaya ini juga mempunyai kelebihan dan kebaikan yang tersendiri tetapi gaya ini perlu dikurangkan sedikit berbanding dengan gaya visual dan kinestetik semasa dalam proses P&P. Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual 9 menunjukkan jenis gaya belajar yang ditonjolkan oleh kanak-kanak semasa proses P&P berlangsung.

Berdasarkan Jadual 9, penulis mendapati kebanyakan dalam kalangan kanak-kanak lebih selesa dengan gaya pembelajaran visual dalam proses P&P. Bagi kanak-kanak 1, 3 dan 4, mereka boleh mengikuti atau menyelesaikan soalan semasa gaya visual dan kinestetik dilakukan dalam proses P&P. Namun begitu, bagi kanak-kanak 2 dan 4 walaupun,

**Jadual 9** Jenis gaya belajar.

Bil.	Subjek Kajian (SK)	Gaya Belajar
1.	SK1	Visual dan Kinestetik
2.	SK2	Visual
3.	SK3	Visual dan Kinestetik
4.	SK4	Visual dan Kinestetik
5.	SK5	Babu Visual, Kinestetik dan Auditori

semua soalan tidak dapat dijawab dengan betul dalam proses P&P tetapi hasil kebolehan kanak-kanak lebih berpihak kepada gaya pembelajaran visual dan kinestetik, iaitu mempunyai kesalahan yang minimum. Bagi kanak-kanak 2 selesa dengan penglibatan gaya pembelajaran visual kerana berdasarkan soalan yang diberikan mengikut penekanan gaya masing-masing, kebolehan kanak-kanak menyelesaikan soalan yang diberikan lebih memihak kepada gaya pembelajaran visual. Namun begitu, bagi kanak-kanak 5, ketiga-tiga gaya dapat diikuti oleh subjek. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak ini seorang yang sangat pendiam dan hal ini menyebabkan kanak-kanak boleh mengikuti gaya auditori dalam proses P&P. Selain itu, kanak-kanak 5 ialah seorang pelajar yang cemerlang dalam kalangan kanak-kanak yang dipilih dalam kajian kes kerana kebolehan membaca dan menulis boleh mengatasi kanak-kanak lain. Hal ini berlaku disebabkan keluarga kanak-kanak berlatarbelakangkan pendidikan, iaitu ibunya seorang guru. Ibunya selalu memberi latihan atau tunjuk ajar kepada kanak-kanak semasa berada di rumah, iaitu selalu membantu kanak-kanak menyelesaikan tugasan. Walaupun ketiga-tiga gaya ditekankan dalam P&P, hasil menunjukkan bahawa kanak-kanak 5 mengamalkan semua gaya pembelajaran tetapi berdasarkan pemerhatian pengkaji kanak-kanak 5 lebih menyukai gaya pembelajaran visual kerana dia lebih berminat dalam penggunaan warna.

Menurut Tengku Asmadi (2007), cara terbaik apabila mengatur strategi belajar adalah dengan melibatkan ketiga-tiga gaya pembelajaran, iaitu gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik. Sekiranya dikenal pasti gaya pembelajaran yang membolehkan subjek kajian memberi tumpuan dan produktif, lebihkan gaya pembelajaran itu semasa belajar. Selain itu, terdapat juga subjek kajian yang dominan terhadap dua gaya pembelajaran. Walau bagaimanapun, perkara ini disokong oleh Tengku Asmadi (2007) yang mengatakan bahawa setiap orang lebih cenderung kepada satu gaya pembelajaran tetapi ada juga dalam kalangan pelajar yang dominan dalam dua gaya pembelajaran, iaitu visual-auditori atau visual-kinestetik.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, penulis mendapati kanak-kanak lembam merupakan kanak-kanak yang tidak mengalami sebarang kecacatan fizikal tetapi bermasalah dalam pembelajaran. Perwatakan

kanak-kanak lembam adalah sama seperti kanak-kanak normal, iaitu keupayaan untuk menguruskan kehidupan seharian serta tidak mempunyai sebarang masalah dalam pertuturan. Setiap kanak-kanak mempunyai gaya belajar yang tersendiri. Guru dan penjaga seharusnya mengetahui gaya pembelajaran kanak-kanak untuk memudahkan proses P&P serta aktiviti ulang kaji pelajaran di rumah. Kanak-kanak ini memerlukan bantuan daripada orang lain untuk menyokongnya dalam proses memahami dan mengingat sesuatu perkara. Penulis mencadangkan guru dan penjaga sentiasa memberikan semangat yang positif kepada kanak-kanak lembam dalam usaha menimba ilmu, walaupun mengetahui umur fizikal mereka melebihi umur mental. Selain itu, guru dan penjaga perlu memberikan pujian berdasarkan kebaikan atau kebolehan mereka. Kanak-kanak lembam juga mempunyai perasaan sama seperti kanak-kanak normal yang lain, iaitu ingin dihargai oleh orang sekeliling. Walau bagaimanapun, guru dan penjaga seharusnya mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dalam mendidik kanak-kanak lembam supaya mereka dapat belajar hidup berdikari dan bersedia untuk menghadapi kehidupan yang mendatang.

Selain itu, pihak sekolah juga seharusnya mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang menarik. Persekitaran yang menarik dengan penerapan gambar, warna dan sebagainya mampu meningkatkan kesediaan belajar kanak-kanak lembam khususnya dari aspek kognitif dan afektif. Persekitaran kelas yang cantik dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Penggunaan kad gambar serta kad perkataan pada dinding kelas boleh memberikan kesan yang lebih baik kepada kesediaan kognitif. Penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dapat meningkatkan tahap kefahaman kanak-kanak dalam proses P&P. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya membantu guru PPKI untuk menghasilkan atau menyediakan bahan bantu mengajar yang menarik dan dapat memupuk minat kanak-kanak lembam untuk terus belajar sama ada dari segi bantuan idea atau sumber kewangan. Namun begitu, sokongan daripada pihak sekolah kepada guru PPKI juga diambil kira, iaitu sentiasa memberikan galakan serta sokongan untuk terus mendidik kanak-kanak lembam sehingga mencapai tahap pembelajaran yang maksimum.

Berdasarkan kajian penulis mendapati bahawa kanak-kanak lembam lebih menyukai pelajaran yang melibatkan gaya pembelajaran visual. Penekanan terhadap penggunaan bahan bantu mengajar yang bersifat visual boleh membantu kanak-kanak dalam memahami sesuatu pelajaran dengan baik. Namun begitu, sekiranya penggunaan bahan bantu



mengajar digabungkan dengan unsur multimedia kaedah ini dijangkakan memberikan kesan yang lebih positif dalam pembelajaran kanak-kanak lembam. Pandangan ini berdasarkan dapatan dalam kajian ini, iaitu kanak-kanak lembam lebih menyukai pembelajaran secara visual. Multimedia berasaskan bentuk atau objek dengan bunyi serta warna yang menarik difikirkan mampu merangsang kanak-kanak lembam untuk belajar. Oleh itu, KPM seharusnya menyediakan bahan pengajaran yang melibatkan multimedia atau secara digital untuk menarik minat kanak-kanak lembam sewaktu proses P&P berlangsung. Gabungan visual, auditori dan kinestetik dalam pembelajaran boleh meningkatkan lagi hasil pembelajaran.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, penulis mendapati bahawa gaya pembelajaran visual lebih mempengaruhi kanak-kanak lembam dalam proses P&P. Penglibatan bahan konkrit boleh membantu kanak-kanak dalam memahami dan mempelajari sesuatu pembelajaran dengan baik. Bahan bantu mengajar amat penting dalam menarik minat mereka untuk belajar. Kepelbagaian cara dan kaedah pembelajaran juga penting untuk mengelakkan timbulnya kebosanan dalam diri kanak-kanak. Selain itu, penglibatan gaya pembelajaran kinestetik juga penting untuk keterlibatan kanak-kanak secara langsung dalam aktiviti pembelajaran. Gaya pembelajaran visual dan kinestetik tidak membebankan kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu kerana kanak-kanak boleh belajar dalam keseronokan. Walaupun pembelajaran yang sama harus diulang kerap kali tetapi situasi keseronokan belajar itu penting dalam diri kanak-kanak. Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi, penerapan gaya pembelajaran auditori telah menyebabkan 80 peratus dalam kalangan kanak-kanak melakukan kesalahan semasa menulis perkataan. Bagi gaya pembelajaran visual dan kinestetik, didapati kesalahan menulis perkataan sebanyak 40 peratus dalam kalangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, penulis mendapati tiga orang kanak-kanak yang memerlukan separa bimbingan dan dua kanak-kanak yang memerlukan sepenuh bimbingan. Bimbingan diberikan kerana ketidakupayaan kanak-kanak kajian dalam memahami sesuatu perkara. Oleh itu, gaya pembelajaran kanak-kanak lembam sudah dikenal pasti dan soalan ujian berkaitan kefahaman pembelajaran akan diterapkan dengan penggunaan gaya pembelajaran berkenaan.

## PENGHARGAAN:

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya dan Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah membantu menyediakan dana bagi penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS FP024-2013B).

## RUJUKAN

- Abbas Pourhossein Gilakjani, "Visual, Auditory, Kinesthetic Learning Style and Their Impacts on English Language Teaching" dlm. *Journal of Studies in Education* 2 :1, hlm. 104-13, 2012
- Baharom Mohamad & Iliyas Hashim, 2010. *Gaya Pengajaran & Pemelajaran*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Barbara Prashning, 1998. *The Power of Learning Styles: Memacu anak Melejitkan Prestasi dengan Mengenal Gaya Belajarnya*. Diterjemah daripada *The Power of Diversity: New Ways of Learning and Teaching through Learning Styles*. Bandung: Mizan Media Utama.
- Dunn, R., Dunn K. & Price, G.E., 1985. *Learning Styles Inventory (LSI): An Inventory for the Identification of How Individuals in Grades 3 through 12 Prefer to Learn*. Lawrence, KS: Price Systems.
- Giremli, Jack, "Tuned in to Learning Styles" dlm. *Music Educators Journals* 83, 24, 1996.
- Gunawan, Adi W., 2006. *Genius Learning Strategy*. Jakarta: Pustaka Utama.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005. *Pendidikan "Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Noltemeyer, A., Joseph, L. M., & Watson, M., "Improving Reading Prosody and Oral Retell" dlm. *Reading Improvement* 51:2, hlm. 221-32, 2014.
- Noraini Mohad Dom, 2012. "Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Lambam". Kertas Projek Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rashmi Rekha Borah, "Slow Learners: Role of Teachers and Guardians in Honing their Hidden Skills" dlm. *International Journal of Educational Planning & Administration* 3:2, hlm. 139-43, 2013.
- Tengku Asmadi T. Mohamad, 2007. *Motivasi Alihan Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Udeani. U & Okafor. P.N, "The Effect of Concept Mapping Instructional Strategy on the Biology Achievement of Senior Secondary School Slow Learners" dlm. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies (JETERAPS)* 3:2, hlm. 137-42, 2012.

Diperoleh (*received*): 7 Disember 2015

Diterima (*accepted*): 12 Jun 2016